

11/11/2001

Puak pengkhianat akan dibanteras

DUNGUN: Kerajaan akan melawan habis-habisan puak yang mengkhianati perjuangan memajukan umat Islam, bangsa dan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tindakan itu akan dibuat kerana kerajaan rasa bertanggungjawab membangunkan agama sebagai yang dituntut serta memajukan bangsa dan negara.

Berucap sempena perayaan Hari Peneroka Negara 2001, di Padang Astaka, di Ketengah Jaya sini, Perdana Menteri berkata, apabila sebuah negara Islam aman mereka akan dapat menumpukan kepada membangun dan mempertahankan negara sendiri.

Hadir sama di majlis perayaan itu ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam dan Pengerusi Felda, Datuk Dr Yusof Nor.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia belum bergelar sebuah negara maju sehingga ini sudah berjaya menolong umat Islam di negara lain seperti di Bosnia dan Kosovo dengan wang dan kepakaran sendiri.

Perdana Menteri berkata, disebabkan banyak negara Islam di dunia lemah dan tidak ada keupayaan mempertahankan diri sendiri, akan lebih mudah dipermainkan oleh kuasa asing.

Di Malaysia kata Perdana menteri, kerajaan membelanjakan banyak wang untuk membangunkan kawasan hutan sejak lebih 40 tahun lalu untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Sehingga ini katanya, 130,000 rakyat di seluruh negara tidak termasuk generasi kedua mendapat peluang mendiami kawasan pembangunan rancangan kelapa sawit dan getah.

Tujuan kerajaan katanya, pembangunan ini adalah untuk membolehkan rakyat meningkatkan pendapatan supaya dapat hidup lebih senang dan menghantar anak-anak mereka mendapat pendidikan yang lebih baik.

"Pada masa ini banyak anak peneroka sudah menjadi doktor pakar, korporat, pegawai tinggi yang mendapat tempat di sektor awam dan swasta. Ini hasil daripada usaha kerajaan membangunkan rakyat," katanya.

Lebih daripada itu kerajaan juga sedang meningkatkan sistem pendidikan di kawasan tanah rancangan dengan mewujudkan Kolej Komuniti dan ini perlu dijelaskan kepada rakyat mengenai setiap rancangan yang akan dijalankan.

Bagaimanapun katanya, sejak akhir-akhir ini sudah wujud satu keadaan baru bahawa setiap apa yang dilakukan ini tidak perlu berterima kasih, sebaliknya terima kasih hanya perlu diberi kepada tuhan saja.

Ajaran ini kata Perdana Menteri disemai di kalangan anak-anak prasekolah supaya wujud kebencian sejak mereka kecil lagi.

"Apabila anak-anak ditanam dengan sikap tidak berterima kasih, apabila mereka besar, apa saja yang dilakukan kerajaan tidak akan diterima dan tidak kena," katanya.

(END)